



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

RUJ. KAMI :

UMK.B01.02.04.600-5/1/1 (30)

TARIKH :

24 OGOS 2020



### KEPADA PELAJAR KANAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Fakulti Hospitaliti, Pelancongan Dan Kesejahteraan

Saudara/ Saudari,

### KEMASUKAN SEMULA PELAJAR KANAN KE UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berpandukan kepada surat daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) rujukan nombor JPT(A)1000/001/019/01 JLD.21(19) bertarikh 16 Julai 2020 memaklumkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi pada 8 Julai 2020 telah mengumumkan pelaksanaan kemasukan semula pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) secara berperingkat mulai Julai sehingga Oktober 2020 selaras dengan situasi semasa COVID-19. KPT juga mengumumkan pembukaan sepenuhnya semua IPT di bawah KPT iaitu Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti akan dilaksanakan pada Oktober 2020.

3. Sehubungan itu, pihak Bahagian Pentadbiran Akademik ingin memaklumkan kepada semua pelajar kanan Universiti Malaysia Kelantan untuk memulakan sesi pembelajaran pada 11 Oktober 2020. Kaedah pembelajaran adalah tertakluk kepada keputusan Fakulti masing-masing samada diadakan secara online atau secara bersemuka.

4. Semua pelajar diingatkan untuk mengamalkan norma baharu dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di Fakulti berpandukan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Operasi Institusi Pendidikan Tinggi semasa dan pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah disediakan oleh pihak KPT. Semua pelajar perlu sentiasa mematuhi SOP ini di samping setiap arahan dan panduan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan dari semasa ke semasa. Mohon rujuk **Lampiran A**.

5. Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak saudara/ saudari berhubung dengan perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**PROF. DR. SITI ZAITON BT MOHD HASHIM**

Dekan Prasiswazah  
Bahagian Pentadbiran Akademik

s.k : Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**PROSEDUR ASAS PELAKSANAAN PDP SECARA BERSEMUKA SEMASA DAN PASCA PKP**

**1) Kehadiran ke Kampus**

Para pelajar perlu memastikan perkara berikut dipatuhi:

- i. Pemeriksaan suhu badan, membuat saringan gejala, sentiasa mengamalkan pembersihan tangan menggunakan sabun atau *hand sanitizer* semasa menjalankan aktiviti;
- ii. Pemakaian pelitup muka (*face mask*) adalah digalakkan pada setiap masa dan diwajibkan dalam keadaan tertentu;
- iii. Mendaftar aplikasi MySejahtera dan menggunakan aplikasi ini di setiap ruang dalam kampus seperti di bilik kuliah, makmal, studio, bengkel dan sebagainya.
- iv. Penjarakan social (*social distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter bagi setiap aktiviti; dan
- v. Pelajar dan kakitangan yang mempunyai simptom COVID-19 seperti batuk dan demam tidak dibenarkan untuk masuk ke kampus.